

Anugerah biasiswa Fair & Lovely

Beri inspirasi 40 wanita muda lanjut pelajaran

Buat tahun kedua, Fair & Lovely meneruskan komitmennya untuk mengubah dan memberi inspirasi kepada golongan wanita menerusi pendidikan, kecantikan dan keyakinan diri apabila menganugerahkan biasiswa berjumlah RM200,000 kepada 40 wanita muda sekali gus membolehkan mereka melanjutkan pengajian di peringkat diploma dan ijazah dari universiti awam.

Masing-masing menerima RM5,000 setiap seorang sebagai pembayaran menampung keperluan seperti yuran pengajian dan pembelian buku sepanjang pengajian mereka.

Biasiswa Fair & Lovely 2017 menerima peningkatan jumlah permohonan tinggi sebanyak 50% di mana 12,044 diterima dari 23 buah universiti awam berbanding 8,000 permohonan pada tahun lalu.

"Kami berimpian untuk menjadi sebuah jenama yang bukan sahaja menerajui aspek kecantikan dan keyakinan untuk golongan wanita tetapi juga mengambil berat cita-cita dan peluang pendidikan mereka. Dengan peningkatan kos sara hidup, ramai penuntut berdepan masalah dengan kewangan. Oleh itu, biasiswa ini secara khususnya memberi peluang kepada wanita untuk melanjutkan pengajian



Tengah, dari kiri: Guan Lee, Ketua Kategori Penjagaan Kulit & Deodoran, Unilever (Malaysia) Holdings Sdn Bhd, Daiyan, Callista dan penerima biasiswa.

mereka tanpa rasa bimbang," kata Pengurus Jenama Fair & Lovely, Unilever (Malaysia) Holdings Sdn Bhd, Callista Fernandez.

Menurutnya, untuk meningkatkan lagi keyakinan mereka, Fair & Lovely turut memberikan pendidikan penjagaan kulit dan keterampilan diri.

"Keyakinan diri merupakan salah satu elemen penting dalam mencapai kejayaan dan keupayaan untuk membawa diri dengan baik akan meningkatkan keyakinan seseorang itu. Kami mahu membawa wanita muda ini ke peringkat yang lebih tinggi dan percaya bahawa impian boleh menjadi kenyataan apabila kita mula percaya kepada diri sendiri," kata Callista.

Kriteria senarai 40 penuntut dari

Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) adalah mendapat CGPA minimum 3.0 selain aktif dalam aktiviti kokurikulum.

Antara yang terpilih ialah Nur Shafiqah Zulkefli dari Universiti Tun Hussein Onn (UTHM).

"Saya sangat gembira dan bersyukur kerana menjadi salah seorang penerima Biasiswa Fair & Lovely 2017. Biasiswa ini dapat meringankan beban keluarga saya dan membawa saya lebih dekat untuk mencapai cita-cita," katanya.

Sementara duta jenama Fair & Lovely, Daiyan Trisha turut berkongsi pandangan.

"Fair & Lovely bertujuan menyediakan platform kepada golongan wanita muda untuk meneruskan pengajian ke peringkat

tertinggi dan pendidikan sememangnya menjadi elemen penting kepada wanita kerana ia merupakan langkah pertama untuk memenuhi impian seseorang itu. Meskipun berdepan jadual sibuk dalam menjalani kehidupan di universiti dan kerjaya nyanyian, saya sentiasa mengingatkan diri bahawa hanya dengan pendidikan sahajalah mampu membuka minda saya dari segi pengetahuan untuk digunakan dalam kerjaya saya."

Lebih daripada sekadar jenama kecantikan, Fair & Lovely juga merupakan jenama yang berkongsi falsafah dalam menggalakkan golongan wanita untuk mencapai cita-cita mereka serta menentukan nasib mereka sendiri dengan cara memperkasa mereka dengan kekuatan dalaman dan keyakinan.